

08 NOV 2003

Khalil-Pas

KENYATAAN HADI HANYA UNTUK KEPENTINGAN POLITIK SAHAJA, KATA KHALIL

KEMAMAN, 8 Nov (Bernama) -- Kenyataan Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang berhubung keyakinan menawan lebih banyak negeri dan kerusi dalam pilihan raya umum akan datang hanyalah untuk kepentingan politik sahaja, kata Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob.

Menurutnya, beliau tidak pasti perkiraan mana yang digunakan Hadi tetapi apa yang diketahui, kedudukan Barisan Nasional (BN) yang diterajui Umno semakin kuat dengan sokongan yang telah meningkat bukan sahaja di negeri-negeri lain termasuk Pahang, tetapi di Terengganu sendiri.

"Yang saya tahu di Pahang kedudukan Umno kuat dan di Terengganu Umno juga sudah meningkat dari segi sokongan yang diberikan oleh orang ramai.

"Kalau dalam keadaan macam itu, yang menjadi tercabar ialah Terengganu dan bukan negeri lain," katanya kepada pemberita selepas majlis Taftir Ramadan bersama penduduk Felda Ceneh Baru dekat sini malam tadi.

Pas semalam dilaporkan sebagai menyatakan keyakinannya untuk menawan lebih banyak negeri tidak pernah ditembusinya pada pilihan raya umum akan datang.

Presidennya Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata negeri-negeri yang mempunyai potensi untuk mereka tawan pada pilihan raya akan datang ialah Perlis, Kedah dan Pahang serta Selangor daripada segi kerjasama dengan barisan pembangkang lain.

Khalil berkata, mengikut laporan yang beliau terima, apa yang akan berlaku bukan seperti apa yang Hadi katakan, tetapi sebaliknya, kerana beliau percaya Umno akan dapat kembali memenangi semula Terengganu.

Menurutnya, Umno telahpun menjalankan pelbagai program di serata negara dan juga di Terengganu termasuk pelbagai program Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sendiri ke seluruh negeri itu.

"Ini politik sahaja (kenyataan Hadi), memang kita tahu dan kita yakin Terengganu, kalau ikut apa yang kita dapat laporan dan persiapan yang kita lakukan, Terengganu memang ada peluang baik untuk kita menangi semula," katanya.

Khalil berkata, kenyataan yang dibuat Menteri Besar Terengganu itu juga hanyalah untuk mengalihkan persepsi masyarakat terhadap perkara yang sebenarnya berlaku.

Sementara itu, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed berkata, keyakinan PAS untuk menawan lebih banyak negeri dan kerusi di kawasan lain pada pilihan raya umum akan datang hanya sekadar "angan-angan Mat Jenin".

Beliau berkata ini adalah kerana hakikatnya rakyat Malaysia semakin insaf dan sedar betapa perlunya mereka bersatu di bawah Barisan Nasional (BN) yang diterajui Umno.

"Kita (Umno) akan lawan (PAS) habis-habisan kerana kita yakin bahawa dengan cara Umno juga lah membolehkan kita memastikan kejayaan agama Islam, orang Islam, orang Melayu di Malaysia," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan Juadah Hari Raya kepada anggota tentera dan polis di sini, hari ini.

Mustapa yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata sejak pilihan raya umum 1999, Umno telah bekerja kuat dan kini parti itu semakin mantap untuk berhadapan dengan PAS.

"(Bekas Perdana Menteri) Tun Dr Mahathir Mohamad telah berjaya untuk membawa kembali mereka yang meninggalkan parti pada 1999...dulu kita berpecah, ramai yang keluar parti dan tidak mahu mengundi kita tetapi dalam

tempoh dua tiga tahun ini Dr Mahathir telah berjaya mengukuhkan parti," katanya.

Mustapa yakin sokongan rakyat terhadap Umno akan terus bertambah di bawah Perdana Menteri baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya Pas kini semakin menggelabah dengan gerak kerja Umno untuk merampas kembali Kelantan dan Terengganu kerana di negeri itu terdapat pemimpin utama PAS seperti Mursyidul Amnya Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Abdul Hadi.

Umno akan mengatur strategi khusus untuk mengempur semua kawasan di Kelantan dan Terengganu untuk memastikan cita-cita PAS untuk kekal berkuasa di kedua-dua negeri itu akan tergugat, katanya.

Pada majlis itu, Mustapa dan isteri Datin Kamarzan Ahmad Meah menyumbangkan juadah hari raya Aidil Fitri bernilai RM40,000 kepada anggota polis dan tentera di negeri ini.

Di SELANGOR pula Menteri Besar Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo berkata pembangkang khususnya Pas harus melupakan hasrat untuk menawan Selangor pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau menyifatkan hasrat parti pembangkang itu hanyalah mimpi di siang hari, sia-sia dan satu cubaan untuk melemahkan semangat anggota parti memerintah BN.

"Kita tak bimbang di Selangor kerana kita sudah buat kajian profesional oleh sekumpulan pensyarah universiti tempatan yang mahir dalam bidang persampelan menunjukkan lebih 70 peratus rakyat bersama BN.

"Ada lima kajian yang dibuat mengenai sokongan terhadap kerajaan BN itu sejak saya dilantik menjadi Menteri Besar Selangor pada 2000," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan Hari Raya di sini hari ini.

Mengimbas kenyataan terdahulu pemimpin Pas seperti anggota Dewan Undangan Sungai Burung Datuk Dr Hassan Ali dan Abdul Hadi, Dr Mohamad Khir berkata kedua-duanya pernah mengatakan bahawa Selangor akan jatuh ke tangan pembangkang pada pilihanraya raya umum lepas tetapi ia tidak menjadi kenyataan.

Untuk membentuk kerajaan, pembangkang perlu menang sekurang-kurangnya separuh daripada 56 kerusi selepas persempadanan semula Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan ini bukannya perkara mudah, katanya.

"Kita juga ingin mengingatkan supaya Pas jaga Kelantan dan Terengganu kerana BN pun yakin untuk mengambil semula pemerintahan kedua-dua negeri di bawah Pas itu," katanya.

Katanya, BN sedang `mengasak' kawasan Dewan Undangan Negeri yang dikuasai parti pembangkang seperti Hulu Klang (Keadilan), Bangi (dulu Kajang) dan Sungai Burong (Pas) tetapi agak bermasalah sedikit di Gombak Setia.

Ini bagi merealitikan sasaran BN negeri yang mahu sifar pembangkang pada pilihan raya umum akan datang.

Terdahulu beliau menyumbangkan makanan dan pakaian kepada 409 orang warga tua, fakir miskin, anak yatim dan ibu tunggal yang tinggal di kawasan DUN Sungai Panjang.

-- BERNAMA

SHS BK